

**KAJIAN KEPUASAN PEMILIK-PEMILIK RUMAH KOS
RENDAH, RANCANGAN PERUMAHAN RAKYAT (R.P.R):**

**KAJIAN KES DI KAWASAN REMPANGI,
KUCHING, SARAWAK.**

DISEDIAKAN OLEH:

MELISSA SURYENNIE BINTI ZAINIAR	98441038
SHARIFAH MAZIAH BINTI WAN HABIB	98182272
JULIA BINTI OTHMAN	98440957
MALISA BINTI DRIS	98441013

**KERTAS PROJEKINI DIKEMUKAKAN KEPADA
FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA SARAWAK
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN
DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM**

**FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SARAWAK**

SEPTEMBER 2001

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
Surat Penyerahan Kertas Projek	i
Surat Pengakuan	iii
Penghargaan	v
Abstrak	vi
Senarai Jadual	
Senarai Rajah	
 BAB 1 PENGENALAN	
1.0 Latar Belakang Kajian	1
1.1 Kepentingan Kajian	4
1.2 Skop Kajian	6
1.3 Penyata Masalah	7
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Hipotesis	9
1.6 Andaian Kajian	10
1.7 Batasan Kajian	11
1.8 Susunan Bab	12
 BAB 2 LITERATURE REVIEW	
2.1 Definisi Kepuasan Perumahan	13
2.2 Rumah Kos Rendah Di Sarawak	27
 BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	
A. Kaedah Primer	33
B. Kaedah Sekunder	36
C. Kaedah Persampelan	38
 BAB 4 DATA ANALISIS	
4.0 Pengenalan	40
4.1 Latar Belakang Responden	42
4.2 Kepuasan Rumah	46
4.3 Keadaan Rumah Dan Keperluan Bilik	60
4.4 Aspirasi Terhadap Rumah	62
 BAB 5 CADANGAN DAN KESIMPULAN	
5.1 Cadangan	67
5.2 Kesimpulan	70
 BIBLIOGRAFI	
 LAMPIRAN	

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneliti kepuasan perumahan di kalangan penduduk rumah kos rendah. Ia memberi penekanan kepada kepuasan penghuni terhadap persekitaran fizikal iaitu dari segi struktur fizikal rumah, kemudahan dan perkhidmatan sedia ada. Kajian ini dijalankan di kawasan rumah kos rendah teres satu tingkat iaitu R.P.R Rempangi, Kuching, Sarawak. Seramai 100 ketua keluarga dipilih dengan menggunakan teknik persampelan rawak bersistematis. Data dikumpul menggunakan teknik temu bual dan pemerhatian berdasarkan borang soal selidik. Angkubah bersandar bagi kajian ini ialah kepuasan perumahan. Manakala angkubah bebas adalah umur ketua keluarga, saiz isirumah, taraf pendidikan ketua keluarga dan pendapatan ketua isirumah. Data dianalisis dengan menggunakan ujian statistik SPSS-X dan ujian Korelasi Pearson telah digunakan untuk menguji hipotesis kajian. Dari hipotesis yang diuji, didapati tidak ada perkaitan diantara kepuasan perumahan dengan angkubah-angkubah bebas. Hasil kajian menunjukkan tahap kepuasan yang rendah dialami oleh responden untuk aspek struktur fizikal rumah kerana saiz ruang yang kecil dan kedudukan ruang yang tidak sesuai. Namun begitu, tahap kepuasan yang sederhana dialami oleh responden adalah bagi aspek kemudahan dan perkhidmatan. Ini adalah kerana terdapat kemudahan dan perkhidmatan yang dikaji tidak disediakan iaitu taman permainan dan kemudahan kesihatan. Secara keseluruhannya, tahap kepuasan perumahan responden adalah sederhana walaupun terdapat beberapa aspek yang mendapat kepuasan rendah di kalangan penghuni. Kajian selanjutnya memerlukan penelitian yang lebih terperinci terhadap setiap aspek yang dikaji agar boleh menggambarkan tahap kepuasan perumahan dengan lebih jelas. Aspek-aspek ini perlu diberi perhatian semasa membuat perancangan perumahan dalam mewujudkan persekitaran yang harmoni dan sihat kepada penghuninya.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Perumahan merupakan salah satu keperluan asas manusia yang mempunyai perkaitan rapat dengan aspek-aspek sosial. Ianya akan memberi kesan yang sama dengan keperluan lain seperti makanan, pekerjaan dan penjagaan kanak-kanak. Memandangkan rumah merupakan pusat kepada struktur sosial dan satu institusi dalam membentuk individu yang produktif maka adalah perlu untuk setiap keluarga menyediakan rumah yang sempurna.

Berdasarkan Hierarki Keperluan Maslow, keperluan asas sekali iaitu dari segi fisiologi dan diikuti dengan keselamatan di mana ia boleh memberi perlindungan samada dari segi sosial mahupun biologikal dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Rumah merupakan tempat untuk berlindung daripada cahaya matahari, hujan dan ancaman-ancaman lain. Namun begitu, persepsi tentang fungsi rumah itu sendiri agak meluas. Rumah bukan sahaja sebagai tempat tinggal tetapi juga tempat untuk menyediakan atau mewujudkan persekitaran yang selesa dalam memenuhi aspirasi dalam keluarga berkeluarga.

Rumah kos rendah boleh didefinisikan sebagai sebuah rumah atau flat yang mempunyai hanya dua bilik tidur dan berkeluasan 433 persegi dan harganya pula ialah antara RM 30,000 hingga RM 45,000. Rumah jenis ini adalah untuk rakyat yang berpendapatan rendah khususnya. Oleh yang demikian, sesebuah rumah perlu kepada ciri

BAB 2

TINJAUAN LITERATURE

2.1 DEFINISI KEPUASAN PERUMAHAN

Kepuasan perumahan merupakan keadaan di mana sesuatu keperluan dan kehendak terhadap perumahan dapat dipenuhi atau dicapai. Ia dipengaruhi oleh keperluan perumahan keluarga yang bergantung kepada pelbagai faktor seperti kemampuan keluarga, saiz keluarga, kemudahan serta faktor lain yang berkaitan dengan perumahan. Menurut Margerate (1986), apabila membincangkan kesejahteraan dan kepuasan, keperluan dan kategori sosial serta psikologi perlu diambil kira terutama dari segi kepuasan terhadap tempat tinggal iaitu terhadap rumah itu sendiri, perkhidmatan dan juga kemudahan yang ada di sekeliling mereka¹. Dalam pada itu, rumah yang mempunyai ruang yang mencukupi penting untuk setiap keluarga. Ia boleh mempengaruhi tingkahlaku penghuni dan membolehkan mereka menjalankan aktiviti berdasarkan fungsi ruang tersebut. Selain itu, keadaan ini juga boleh dikaitkan dengan kepadatan yang berlaku dalam sesebuah rumah sudah semestinya mempengaruhi kepuasan seterusnya persepsi penghuni terhadap rumah mereka sendiri. Perkara ini penting khususnya ruang tidur di mana memerlukan satu ukuran yang standard untuk satu persekitaran yang sesuai terutamanya untuk perkembangan psikologi kanak-kanak (Morris dan Galdhurt, 1977)².

¹ Margerate dan J. Weber. Historical perspective on housing research : Foci, methods and contributions. Human Resource Research 1887-1987, Proceeding (1986). : Iowa State University. 76-84.

² Morris, E. W. dan Winter, M. (1978). Housing, Family and Society. New York : John Wiley and Sons.